

INTEGRITI PEMANGKIN GENERASI YANG MAPAN



AKADEMI PENYELIDIKAN HALUAN
Pertubuhan Himpunan Lepasan
Institut Pendidikan Malaysia
(HALUAN Malaysia)

EDITOR :

Zulaiha Ali Othman
Zurina Muda
Solehuddin Shuib

Manusia atau rakyat adalah penentu kepada survival sesebuah negara. Sesebuah negara yang dapat mengekalkan tahap penguasaan ilmu bagi rakyatnya akan dapat memastikan kelestarian negara tersebut. Cabaran global yang semakin meningkat telah memaksa semua bangsa mencari kaedah meningkatkan modal insan agar mampu bersaing dengan dunia luar. Justeru kaedah untuk mempertingkatkan kecemerlangan modal insan perlu dibincangkan dengan lebih global.

Diterbitkan Oleh :




AKADEMI PENYELIDIKAN HALUAN
Pertubuhan Himpunan Lepasan Institut
Pendidikan Malaysia (HALUAN)
A-03-1, Medan Pusat Bandar 5, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

Tel : 03- 8926 8892, Fax : 03-8927 5244

www.haluhan.org.my

Sem. Malaysia : **RM25**
Sabah/Sarawak : **RM27**

ISBN 978-967-2016-24-3



9 789672 016243

Cetakan Pertama
2016 M / 1437 H

© Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain cara kecuali setelah mendapat izin daripada penerbit.

EDITOR

Zulaiha Ali Othman
Zurina Muda
Salehuddin Shuib

DITERBITKAN OLEH

Akademik Penyelidikan HALUAN
(Biro Pengajian Tinggi HALUAN)
A-03-1, Medan Pusat Bandar 5
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi
SELANGOR

KERJASAMA OLEH



Kolej Teknologi Darulnaim



Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis

REKA LETAK OLEH

Nurul Hashimah Jaffar
Nur Hasanah Abu Hasan
Ainun Zanariah Hasan

DICETAK OLEH

One Stop Printing
No. 4, Jalan Hentian 3, Pusat Hentian Kajang,
Off Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor.

PRAKATA

Alhamdulillah segala puji dipanjang hanya kepada Allah SWT. Salawat dan salam buat junjungan mulia RasuluLlah SAW, contoh dan ikutan kita. Syukur ke hadratNya dengan izin dan rahmatNya yang telah memberi peluang dan kemampuan kepada kami untuk menyiapkan penyuntingan buku Modal Insan ke-7 ini. Bab yang terdapat dalam buku ini adalah antara himpunan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Modal Insan Ke-7 (SEMAI VII) yang berlangsung pada tahun 2015 di Kolej Teknologi Darulnaim Cawangan Kuala Lumpur (KTDKL), Bandar Baru Bangi, Selangor. Kesemua kertas kerja telah dipilih dan disunting untuk dipersembahkan dalam bentuk bab-bab di dalam buku ini.

Buku Modal Insan kali ini mengutarakan topik-topik sekitar tema bertajuk Integriti Pemangkin Generasi Yang Mapan dengan membincang isu integriti dan tanggungjawab sosial setiap lapisan masyarakat disemua peringkat sama ada individu, syarikat/organisasi mahupun kerajaan yang merangkumi pembudayaan dan perlaksanaan di pelbagai sektor seperti sekolah, kolej, institusi pengajian tinggi awam/swasta, agensi dan badan kerajaan, badan bukan kerajaan (*Non-Governmental Organization-NGO*) serta syarikat/organisasi swasta. Pembudayaan integriti berlandaskan syariat Allah SWT merupakan asas penting dalam membentuk sifat jati diri modal insan yang amanah dan berkualiti demi pembangunan komuniti atau masyarakat yang sejahtera dan harmoni. Masyarakat sejahtera dan harmoni pula adalah satu keperluan dalam pembinaan sebuah negara maju yang hakiki, apabila kemajuan dinilai secara holistik merangkumi pembangunan fizikal, material dan intelektual tanpa mengabaikan aspek pembangunan akhlak dan sosial individu serta masyarakat di dalam negara tersebut.

Buku ini berguna kepada profesional yang terlibat dalam pembudayaan integriti, pembangunan sosial dan modal insan, agensi dan badan kerajaan yang mengurus integriti dan modal insan, organisasi atau badan bukan kerajaan yang prihatin terhadap isu integriti, sosial dan kebajikan masyarakat, penyelidik, pengajar dan pelajar, serta orang awam atau individu yang bermatin tentang aspek pembudayaan integriti dalam pembangunan modal insan demi melahirkan generasi yang mapan. Usaha sebegini harus disokong dan terus dipertingkat agar mampu merubah dengan memberi kestabilan pada semua peringkat komuniti bagi menyelesaikan masalah sikap, salah laku dan penyelewengan yang berlaku dewasa kini.

Setinggi penghargaan dan terima kasih kami ucapan kepada Dr. Haji Abdullah Sudin Ab Rahman, Presiden HALUAN, merangkap Pengurus Kolej Teknologi Darulnaim (KTD), yang sentiasa bersama menyokong usaha pembangunan modal insan yang berkualiti dan pengisian masyarakat kearah mencapai keharmonian dan kesejahteraan sejagat. Terima kasih kepada semua ahli Akademi Penyelidikan HALUAN (APH), Jawatankuasa Biro Pengajian Tinggi HALUAN (BPT), Jawatankuasa SEMAI VII dan semua ahli HALUAN yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini. Kami juga merakam penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para penulis kertas kerja SEMAI VII yang telah menyumbang hasil penyelidikan dan kajian mereka sebagai salah satu bab di dalam penerbitan buku ini.

Semoga Allah merahmati usaha ini.

BAB 9	
KECAKNAAN MAHASISWA GEOMATIK INSTITUSI PENGAJIAN	
TINGGI AWAM TERHADAP ILMU ASTRONOMI – KAJIAN AWALAN	
Othman Zainon, Mohamad Saapi Che Awang, Azizan Abd Razak,	
Nik Hasnaa Nik Mahmood, Maslin Masrom.....	105
BAB 10	
HUBUNGAN ANTARA PERSEPSI TERHADAP AMALAN PENGAJARAN	
DENGAN SIKAP TERHADAP MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP	
BERSEPADU DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA DI	
DAERAH SEGAMAT, JOHOR.	
Safiah Mohd Khalid, Suhaida Abdul Kadir.....	118
BAB 11	
KESEDARAN DAN CABARAN PERLAKSANAAN MODEL	
WAKAF AL-QURAN JUZ-AMMA	
Roslan Ahmad, Zulaiha Ali Othman, Nurul Hashimah Jaffar.....	130
BAB 12	
WAKAF PENDIDIKAN TINGGI: MODEL PELAKSANAAN DI UNIVERSITI	
ISLAM MALAYSIA	
Baterah Alias, Muhammad Hamizan Ab Hamid, Baharuddin Sayin,	
Mohd Afandi Mat Rani, Azri Bhari.....	153
BAB 13	
KAEDAH <i>FASTABIQUL KHAIRAT</i> UNTUK MEMPERTAHANKAN	
KEBINGKASAN PERNIAGAAN	
Suhaimi Mhd Sarif.....	163
BAB 14	
ANALISIS IMPAK SOSIAL PROJEK PEMBANGUNAN MRT TERHADAP	
MASYARAKAT SETEMPAT	
Nurul Hashimah Jaffar, Jalaluddin Abdul Malek, Zulaiha Ali Othman.....	182
BAB 15	
PENERAPAN CIRIAN EKONOMI PENGALAMAN DALAM PROGRAM	
HOMESTAY: KAJIAN KES HOMESTAY BUKIT GANTANG, PERAK	
Izzati Ghasali, Habibah Ahmad.....	194

BAB 1

INTEGRITI PEMANGKIN GENERASI YANG MAPAN

Zulaiha Ali Othman

1.0 PENGENALAN

Buku siri modal insan kali ini adalah sambungan kepada buku siri modal insan ke 7 yang bertemakan Kematangan sosial kearah masyarakat harmoni. Masyarakat harmoni merupakan indikator kematangan sesebuah masyarakat termasuk kematangan sosial mereka. Kematangan sosial terbina apabila masyarakat tersebut mempunyai ciri-ciri generasi yang mapan. Generasi mapan (2007) merupakan generasi yang memiliki keperibadian yang mantap, stabil, teguh, tidak goyah dan tersohor. Dalam istilah bahasa Inggeris ia dikenali sebagai *established generation*. Masyarakat menjadi harmoni bila populasi masyarakat yang mapan mendominasi, sehingga ia berjaya menguasai suasana masyarakat tersebut menjadi aman dan harmoni. Generasi ini telah mantap dengan ciri kemapanannya. Dalam konteks untuk menghasilkan masyarakat harmoni, generasi yang mapan ini dipenuhi dengan sifat-sifat matang, beretika, disiplin, profesional dan toleransi. Untuk menghasilkan generasi yang mapan ini maka perlunya perancangan dan pembangunan masyarakat yang mapan. Pembangunan masyarakat yang bersifat lestari ini, boleh memenuhi keperluan semasa dan akan datang. Generasi yang mapan ini kreatif dan bijak dalam menguruskan perubahan kehidupan mereka untuk beradaptasi namun berupaya mengelakkan prinsip asas generasi yang mapan.

Pelbagai ciri atau kriteria digunakan bagi menakrifkan generasi yang mapan ini, namun satu daripada ciri utama ialah integriti. Integriti adalah merupakan pemakin utama pembentukan generasi yang mapan ini. Integriti sebenarnya berasal dari istilah bahasa Inggeris yang membawa erti keutuhan dari semua segi yang baik. Dalam bahasa melayu, ia biasanya menjurus kearah perwatakan seseorang. Maksud integriti mengikut Kamus Dwibahasa DBP, ialah kejujuran dan ketulusan atau kesempurnaan atau keutuhan.

Integriti merupakan sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakapnya, dan lain-lain. Dengan adanya sifat integriti seseorang itu tidak mudah terpesong atau mudah terikut-ikut hawa nafsu kehendak dirinya atau bertahan dengan ujian atau kesukaran yang diharapinya dan rela berjuang dan berkorban demi mempertahankan ciri integriti yang dipegang secara utuh.

Integriti boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu integriti bersabit dengan individu dan integriti diperingkat kemasyarakatan atau organisasi dan penjawat awam. Integriti individu ialah keselarasan di antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang dikotakannya; keselarasan di antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta